

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PENUBUHAN  
KOPERASI KARIAH MASJID NEGERI  
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN 2026**

**14 FEBRUARI 2026 (SABTU)**

**2.00 PETANG**

**MASJID JAMEK AN NUR (MASJID NEGERI  
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN)**

---

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh Salam Malaysia Madani  
dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah,                      setinggi-tinggi  
kesyukuran kita panjatkan ke hadrat  
Allah SWT kerana dengan limpah

kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Bengkel Penubuhan Koperasi Kariah Masjid Negeri Wilayah Persekutuan Labuan.

2. Saya merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak penganjur serta semua agensi yang terlibat dalam menjayakan bengkel ini. Kehadiran para peserta yang terdiri daripada jawatankuasa serta kariah masjid, serta individu yang komited terhadap pembangunan ekonomi kariah membuktikan kesungguhan kita untuk memperkasakan institusi masjid secara lebih menyeluruh.
3. Ucapan terima kasih khusus saya tujukan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) atas kerjasama erat dan sokongan berterusan dalam usaha memperkasa penubuhan koperasi kariah masjid Kolaborasi strategik antara agensi agama dan gerakan

koperasi amat penting bagi memastikan pembangunan ekonomi ummah dapat dilaksanakan.

## **Hadirin Yang Dirahmati**

4. Hari ini masjid bukan lagi sekadar tempat ibadah semata-mata, tetapi bergerak sebagai pusat pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat. Penubuhan koperasi kariah masjid akan memberi ruang kepada komuniti setempat untuk menjana pendapatan, memperkukuh ukhuwah serta meningkatkan kesejahteraan hidup ahli kariah secara kolektif.
  
5. Statistik interim daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia menunjukkan pada Jun 2025 terdapat 588 buah koperasi kariah masjid telah ditubuhkan di seluruh negara dengan keanggotaan melebihi 48,578 individu, syer/yuran

sebanyak RM16.67 juta, aset  
sebanyak RM41.78 juta dan  
perolehan sebanyak RM17.7 juta.

6. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut masih kecil berbanding lebih 6,800 masjid di seluruh negara. Ini bermakna masih terdapat ruang yang sangat luas untuk kita memperluaskan penubuhan koperasi kariah masjid, termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan.

### **Hadirin yang dirahmati,**

7. ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara sentiasa komited dalam menyediakan latihan, bimbingan serta sokongan pembangunan perniagaan kepada koperasi kariah masjid. Kita mahu koperasi bukan sahaja ditubuhkan, tetapi mampu diurus secara profesional dan berdaya saing.

8. Selain pembangunan di dalam negara, ANGKASA juga giat memperluaskan penubuhan koperasi kariah masjid di peringkat antarabangsa. Usaha ini termasuk lawatan dan kerjasama strategik dengan negara-negara jiran, termasuk Indonesia baru-baru ini, bagi membuka peluang jaringan perniagaan dan pertukaran kepakaran.
9. Langkah ini penting dalam membina rangkaian koperasi masjid serantau yang mampu memperkukuh rangkaian bekalan serta pemasaran produk halal. Melalui jaringan antarabangsa, koperasi masjid Malaysia berpotensi menembusi pasaran global dan memperluaskan ekonomi ummah secara lebih inklusif.
10. Antara yang patut diketengahkan oleh koperasi kariah masjid adalah produk halal yang mendapat tempat dalam pasaran global. Industri halal di

Malaysia terus mencatat perkembangan pesat dengan sumbangan ekonomi yang signifikan, khususnya dalam sektor makanan, minuman, kosmetik dan farmaseutikal.

11. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2025), nilai pasaran halal negara sehingga suku ketiga 2025 dianggarkan mencapai RM118.2 bilion. Mengikut Halal Industry Master Plan 2030 pasaran halal global dijangka mencecah USD5 trilion menjelang 2030 dan koperasi seharusnya mengambil peluang untuk turut terlibat dalam ekosistem ini.

12. Di peringkat nasional, ANGKASA juga memainkan peranan sebagai pemacu utama dalam menyatukan gerakan koperasi, merangsang pembangunan perniagaan serta memperkukuh jaringan kerjasama antara koperasi bagi memastikan

setiap entiti mendapat manfaat daripada kekuatan kolektif.

13. Saya berharap bengkel ini dapat memberi kefahaman yang jelas tentang proses penubuhan koperasi, pengurusan tadbir urus yang baik serta potensi bidang perniagaan yang boleh diceburi oleh koperasi kariah masjid termasuk sektor peruncitan, perkhidmatan, pendidikan, pertanian dan kebajikan komuniti.
14. Kepada semua peserta ambillah peluang ini untuk membina rangkaian, bertukar idea serta merancang pelaksanaan koperasi yang mampan di kawasan masing-masing. Kejayaan koperasi kariah masjid bermula dengan kesungguhan komuniti yang bersatu dan komited dalam mencapai matlamat bersama.

15. Dengan lafaz  
Bismillahirrahmanirrahim, saya  
dengan sukacitanya merasmikan  
Bengkel Penubuhan Koperasi Kariah  
Masjid Negeri Wilayah Persekutuan  
Labuan Tahun 2026. Semoga usaha  
murni ini diberkati Allah SWT dan  
menjadi pemangkin kepada  
pembangunan ekonomi ummah.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah,  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.